



PENANGGUHAN WAJIB LULUS BAHASA INGGERIS

Apabila Kementerian Pendidikan memutuskan untuk menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dijadualkan bermula pada tahun 2016, banyak pihak bimbang dengan keputusan tersebut.

HAZEEQ ILYANA

MESKIPUN pengumuman dibuat, iaitu pada September 2013, oleh Menteri Pendidikan (ketika itu), Tan Sri Muhyiddin Yassin, dengan tempoh tiga tahun sebelum pelaksanaannya, hal ini masih mengundang kerisauan bukan sahaja dalam kalangan warga pendidik dan pelajar, malah ibu bapa juga.

Bagi pelaksanaan tujuan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013–2025, menggariskan beberapa inisiatif, seperti guru Bahasa Inggeris diuji kemahiran melalui Ujian Penempatan Cambridge (CPT). Kohort pertama sebanyak 5000 orang pelajar mengikuti latihan lanjutan oleh British Council, manakala 9000

orang guru Bahasa Inggeris turut mengikuti latihan. Bagi menambah baik kualiti guru yang sedia ada, PPPM turut memperkukuh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dengan menempatkan pembimbing pakar untuk guru dan pemimpin sekolah dengan program yang dikenali sebagai SISC+ dan SIPartner+. Mereka bukan sahaja dapat membimbing dari segi pengajaran dan pembelajaran, juga dalam aspek penilaian, seperti Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Ketika tempoh pelaksanaan tersebut berakhir kurang daripada setahun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), mengumumkan bahawa syarat wajib lulus Bahasa Inggeris dalam SPM ditangguhkan. Pengumuman tersebut dibuat

pada September lalu oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

"Pada prinsipnya, mereka, iaitu Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), memaklumkan saya untuk menanggungkan syarat tersebut. Ada elemen yang menyebabkan pelaksanaannya perlu ditangguhkan," katanya kepada wartawan tanpa mengulas panjang, penangguhan untuk tempoh yang belum diputuskan. Hal ini bermaksud, syarat lulus mata pelajaran sebelum ini akan terus diguna pakai.

LPM dalam kenyataannya turut memberitahu bahawa penangguhan tersebut dilakukan untuk memberikan ruang dan peluang kepada guru, murid, serta pihak yang berkaitan untuk membuat persediaan yang lebih rapi.

Kenyataan tersebut turut melibatkan peperiksaan Pusat Amali Sains bagi mata pelajaran Fizik (Kod 4531), Kimia (Kod 4541), Biologi (Kod 4551), dan Sains Tambahan (Kod 4561) dalam peperiksaan SPM yang sepatutnya bermula pada tahun hadapan. Penangguhan peperiksaan Pusat Amali Sains bagi mata pelajaran itu bertujuan untuk memastikan kemudahan dan kelengkapan bilik makmal sains sekolah di seluruh negara mencapai piawai yang ditetapkan sebelum peperiksaan tersebut dilaksanakan.

Hasrat KPM yang sebelum ini memutuskan untuk menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai syarat wajib lulus dan Peperiksaan Pusat Amali Sains bermula pada tahun 2016 bertujuan melakarkan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa hadapan. Begitu pun, kurang daripada setahun pelaksanaannya, KPM menyedari ternyata masih banyak aspek yang perlu diteliti

NILAI
GRED
PURATA
NASIONAL
(GPN)
SPM

2014
5.08
MATA

2013
4.93
MATA

sebelum pelaksanaannya dapat direalisasikan. Bagi LPM, mereka mempunyai asas yang kukuh untuk menanggungkan pelaksanaan syarat wajib lulus bagi mata pelajaran tersebut dan sudah pasti antara aspek yang diambil kira termasuklah persediaan guru dengan pelajar terutamanya di kawasan luar bandar.

Sementara itu, banyak pihak yang mahu KPM mengambil kira prestasi pelajar sebelum syarat wajib lulus mana-mana mata pelajaran diputuskan. Jika diteliti, pencapaian SPM pada tahun 2014 menurun. Nilai Gred Purata Nasional (GPN) SPM pada tahun tersebut juga turut menurun sebanyak 0.15 mata dengan mencatat 5.08 berbanding dengan 4.93 mata pada tahun 2013. GPN ialah indeks yang digunakan untuk menunjukkan pencapaian calon di seluruh negara, iaitu jika semakin kecil nilainya, semakin baik pencapaiannya.

Bukan sahaja di kawasan luar bandar, malah keputusan SPM sekolah di bandar juga menunjukkan penurunan. Di Kuala Lumpur, misalnya, pada tahun 2014, sebanyak 776 orang daripada 23 783 orang calon memperoleh A dalam semua mata pelajaran berbanding dengan 994 orang daripada 24 483 orang calon pada tahun 2013. Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Dr. Khair Mohamad Yusof, ketika mengumumkan analisis keputusan SPM 2014, menjelaskan bahawa pencapaian calon yang memperoleh keputusan cemerlang (gred A+, A dan A) dalam semua mata pelajaran turut menurun apabila tahun 2014 hanya mencatat 11 289 orang calon berbanding dengan 13 970 orang calon pada tahun sebelumnya. Prestasi mata pelajaran teras, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan



Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) sebagai badan yang bertanggungjawab memastikan mutu dan integriti peperiksaan. LPM akan memastikan semua aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan peperiksaan dijalankan dengan teliti dan telus. LPM akan memastikan semua aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan peperiksaan dijalankan dengan teliti dan telus.



Moral, Sejarah, Matematik dan Sains, turut menyaksikan penurunan.

Selain faktor persediaan, lokasi sekolah di luar bandar, dan usaha meningkatkan prasarana yang mencukupi, KPM juga perlu meneliti pencapaian pelajar SPM sebelum menetapkan sebarang syarat wajib lulus. Hal ini dikatakan demikian kerana bimbang akan menjejaskan reputasi dan akhirnya keputusan peperiksaan pelajar. Umum maklum bahawa SPM umpama tangga akhir sebelum pelajar melangkah ke alam universiti. Oleh itu, sebarang kegagalan tidak mustahil akan

GRED A+
A DAN A
DALAM
SEMUA MATA
PELAJARAN

2014
11 289
ORANG CALON

2013
13 970
ORANG CALON

menghalang mereka daripada layak melanjutkan pelajaran.

Semua pihak yakin bahawa KPM mempunyai mekanisme yang terbaik dalam menentukan hala tuju pelajar di negara ini. PPPM diyakini mampu melonjakkan sistem pendidikan negara ke satu tahap yang setanding dengan negara maju. Perubahan ekonomi dunia, tuntutan sains dan teknologi, serta cara berfikir yang kreatif dan inovatif harus diterapkan dalam setiap generasi muda negara. Hanya melalui pendidikan yang cemerlang, generasi muda yang cemerlang akan dapat dilahirkan. Pada hari ini, tidak ada medium lain, selain pendidikan, yang mampu mengubah kehebatan sesebuah negara. 